

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Hal Ehwal Pelajar  
**Sent:** Rabu, 22 Februari 2017 8:42 pg  
**To:** UUM - All Students; UUM - All Staff  
**Cc:** Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub  
**Subject:** INASIS MISC ONLINE: BACAAN YASSIN DAN TAHLIL SEMPENA HARI PENGASASAN UUM SERTA PERJUMPAAN PELAJAR SEMESTER SATU BERSAMA PENGETUA



22 FEBRUARI 2017, RABU | 25 JAMADILAWAL 1438H



Oleh: Muhammad Farhan Bin Miftahhulmubin  
Gambar oleh: Mohamad Izwan Ismail bin Abd Razak

**INASIS MISC:** Inapan Siswa (INASIS) MISC telah mengadakan majlis bacaan Yassin dan tahlil bersempena Hari Pengasasan Universiti Utara Malaysia (UUM) kali ke-33 tahun.

Majlis tersebut bermula seawal jam 7.00 malam bertempat di dewan terbuka INASIS MISC. Hampir 100 mahasiswa hadir ke majlis bacaan Yassin dan tahlil.

Solat Maghrib dan bacaan Yassin diketuai oleh Muhammad Faisal Suki, manakala solat Isya' dan bacaan tahlil pula diimamkan oleh Muhammad Zuhdi Johari, dan Muhammad Shahir Che Omar.

Setelah selesai bacaan Yasin dan tahlil, turut diadakan perjumpaan ringkas antara pengetua INASIS MISC, Encik Azhar Anis Mohammad bersama pelajar semester satu. Mereka berpeluang untuk menyuarakan sebarang permasalahan dan kemusykilan yang mereka ada berkaitan akademik mahupun kebajikan pelajar.

Pengetua INASIS MISC, Encik Azhar Anis Mohammad dalam perjumpaan ringkas tersebut mengatakan bahawa penghuni INASIS MISC sangat bertuah kerana INASIS MISC berdekatan dengan Pusat Sukan dan kemudahan lain yang ada di UUM.

“Di samping kecemerlangan akademik, pelajar juga disarankan untuk aktif dalam program anjuran INASIS mahupun Universiti,” ujar Pengetua INASIS MISC.

Tambah beliau lagi, penglibatan dalam program akan membantu meningkatkan kemahiran *soft skills* pelajar.

Pengarah program, Anisa Hasanah Ahmad merakamkan terima kasih kepada peserta yang telah menayakan program ini.

Turut hadir penolong pengetua, Ruzaidi Saad dan Faridah Awang.

## UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: [www.hep.uum.edu.my](http://www.hep.uum.edu.my) | Emel: [hep@uum.edu.my](mailto:hep@uum.edu.my) | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

